

LAPORAN PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS DAN PEMULIHAN KALI 1 2017 (PERKEP'17)

Persidangan Kebangsaan Pendidikan Khas dan Pemulihan Kali Pertama 2017 merupakan forum yang akan membincangkan teori, idea dan hasil penyelidikan dalam bidang Pendidikan Khas dan Pendidikan Pemulihan. Persidangan ini akan menghimpunkan pakar, penyelidik dan pengamal dari seluruh Malaysia bagi membincangkan pelbagai isu dalam bidang Pendidikan Khas dan Pemulihan. Persidangan ini adalah anjuran bersama-sama Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman dan Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Persidangan Kebangsaan Pendidikan Khas dan Pemulihan telah berlangsung pada 03 Oktober 2017 di Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman. Seramai 220 orang telah mendaftar sebagai peserta dan pembentang persidangan. Peserta dan pembentang terdiri daripada para penyelidik dari seluruh negara. Sebanyak 67 kertas kerja telah dibentangkan dalam persidangan ini yang meliputi pelbagai tema berkaitan pendidikan khas dan pemulihan. Sesi pembentangan menggunakan 7 buah bilik selari. Sebanyak dua ucapan telah disampaikan dalam persidangan ini. Ucapan satu disampaikan oleh Dr. Abdullah b. Yusuf, Timbalan Pengarah IPG Kampus Kota Bharu. Sementara ucapan dua disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Nooraini Ahmad, Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Majlis perasmian seminar ini disempurnakan oleh Tn. Hj Khalid Ahmad yang mewakili Timbalan Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia. Majlis perasmian turut dihadiri oleh tetamu jemputan dari Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pengarah-pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Zon Utara, pengetua, guru besar, para pensyarah dan pelajar IPGK Darulaman

Persidangan ini telah berjaya mewujudkan satu jaringan kolaborasi dalam kalangan warga pendidik seluruh Malaysia, khususnya dalam bidang pendidikan khas dan pemulihan. Ilmu dan pengetahuan baharu yang dikongsi dalam seminar ini akan membantu para pendidik untuk mempraktikkannya di dalam kelas. Sehubungan itu idea-idea ini boleh ditambahbaik dan dikongsi hingga ke peringkat antarabangsa.

Pihak urus setia merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan PERKEP'17 sama ada secara langsung ataupun tidak langsung terutama kepada AJK PERKEP'17, pensyarah dan pelajar-pelajar IPG Kampus Darulaman

Pihak IPG Kampus Darulman merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada pihak penaja dari Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn Bhd yang telah sudi menaja bagi menjayakan PERKEP'17.

Gambar-gambar Persidangan PERKEP'17



Gambar 1: Ucapan perasmian oleh Tn. Hj. Khalid b. Ahmad, Pengarah IPGK Pulau Pinang mewakili Dr. Hjh Rusmini Ku Ahmad, Timbalan Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia, KPM



Gambar 2: Tetamu dan peserta persidangan PERKEP'17 semasa majlis perasmian.



Gambar 3: Persembahan koir oleh para pelajar IPG Kampus Darulaman semasa majlis perasmian



Gambar 4: Ucaptama 1 oleh Dr. Abdullah b. Yusof, Timbalan Pengarah IPG Kampus Kota Bharu



Gambar 4: Ucaptama 2 oleh Prof. Madya Dr. Nooraini Ahmad, Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris



Gambar 5: Sesi pembentangan selari



Gambar 6: Sesi pembentangan selari

Disediakan oleh:

Dr. Ahmad Sobri Shuib
Urus setia
PERKEP'17
IPG Kampus Darulaman